

SEJARAH TAHUN 5: IDENTITI NEGARA KITA

Bendera Kebangsaan Malaysia

Lengkapkan petikan berikut dengan jawapan yang betul.

14	Tun Dr. Mahathir Mohamad	Malaysia	40	
kegemilangan	Jalur Gemilang	4	cemerlang	bangga
31 Ogos 1997				
Jalur Gemilang Bendera Kita				

Bendera kebangsaan ialah lambang identiti negara dan menjadi kebanggaan rakyat. Nama bendera kebangsaan kita ialah _____. Nama ini telah diumumkan pada _____ bersempena dengan hari kemerdekaan negara yang ke-_____. Pada waktu itu, Perdana Menteri Malaysia yang ke-_____ iaitu _____ telah mengumumkan nama tersebut.

Nama Jalur Gemilang diberi kerana bendera kita mempunyai _____ jalur. Jalur bermaksud satu haluan yang sama untuk menuju _____ bangsa dan negara. Gemilang pula bermaksud bercahaya dan _____.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa _____ dengan Jalur Gemilang dan mengibarkan bendera kebangsaan kita walau di mana-mana kita berada. Mengibarkan bendera kebangsaan menjadi bukti kita sayang dan bersyukur menjadi rakyat _____.

~nyi~



Makna dan Lambang Jalur Gemilang



- Melambangkan kesetiaan kepada raja dan Negara
- Melambangkan kedaulatan Raja Berperlembagaan

- Melambangkan kesucian dan keikhlasan
- Melambangkan kesungguhan bagi mempertingkatkan ketahanan rakyat yang beradab

Melambangkan keberanian dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran

Melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan

- Melambangkan perpaduan rakyat berbilang kaum
- Bersatu padu dan berusaha memajukan ekonomi

Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia

